

DR SHAFIE ABU BAKAR

TOKOH PERSURATAN DUNIA NUMERA 2013 (NUSANTARA MELAYU RAYA)

UTAMA BIODATA ANUGERAH PUISI ANEKDOT BUKU GAGASAN DAN TEORI MEMOIR HUBUNGI KAMI

March 2, 2018

SEJARAH SUNGAI RAMAL DAN PEMBINAAN MASJID

BBB, 14 Jamadil Akhir 1439H. = 02 Mac 2018M. (Khamis):

Sekarang terdapat dua buah kampung yang dikenali sebagai Sungai Ramal Luar dan Sungai Ramal Dalam. Pada asalnya kedua-dua kampung ini adalah sebuah kampung yang dikenali dengan Sungai Ramal sahaja. Sungai Ramal sudah wujud sejak dari abad ke 18 lagi. Selangor pada masa itu telah terkenal sebagai negeri yang makmur lantaran mempunyai bijih timah, turut dihadiri berbagai pendatang terutama ke kawasan Kuala Lumpur. Kemakmuran melemah keluar dari kawasan Kuala Lumpur. Turut datang ke luar dari Kuala Lumpur mereka yang datang dari Sumatera dan Jawa. Antaranya ke Hulu Langat, khususnya ke kawasan Kajang. Antara kelompok yang datang ialah ulama` yang mengajar agama Islam sambil berniaga. Mereka sampai antaranya melalui sungai dan mendarat di tepi sungai dan menjalankan perniagaan. Mereka memerlukan tempat ibadat. Lantaran mereka mendirikan surau di tepi sungai. Di tepi sungai berkenaan tempat mendarat dan dekat tempat berniaga adalah berpasir putih dan bersih dari tepi sungai berpasir ini mereka mengambil wudhu` bagi menunaikan solat. Nama kampung ini dinamakan `Kampung Sungai Ramal` diambil dari perkataan `Arab` Ramlu bererti Pasir` bermaksud Kampung Pasir` yang disebut di dalam bahasa `Arabnya` `Kampung Sungai Ramal.` Ianya meliputi semua kawasan (Sungai Ramal Luar dan Dalam). Selepas British menguasai Selangor, maka untuk tujuan pentadbiran, maka pada tahun 1847, dipecahkan kampung Sungai Ramal kepada Sungai Ramal Luar dan Dalam. Kini kedua kampung ini dipisahkan oleh jalanraya utama - Kajang ke Serdang. Apabila berlaku pertambahan penduduk maka, surau ditingkatkan kepada taraf masjid yang digunakan oleh penduduk Sungai Ramal. Pada tahun 1929 bangunan masjid baru didirikan pada tapak yang sama. Ia adalah atas inisiatif seorang Ketua Kampung yang juga seorang guru agama bernama Tuan Haji Mat Saman. Bangunan ini didirikan hasil dari derma orang ramai, khususnya penduduk Kampung Sungai Ramal. Bangunannya dari batu dan kayu. Mengenang jasa Tuan Haji Mat Saman, maka masjid ini dikenali sebagai Masjid Haji Mat Saman (Masjid lama ini lari sedikit dari arah Kiblat). Pada peringkat permulaan penduduk Sungai Ramal Luar dan Dalam hanya menggunakan Masjid Haji Mat Saman untuk mereka menunaikan solat Juma`at. Selepas tahun 2010 nama masjid ini dikehendaki ditukarkan kepada nama Masjid Sungai Ramal Luar.

Dengan pemisahan sempadan antara Sungai Ramal Luar dan Sungai Ramal Dalam, maka selepas tahun 1930an timbul inisiatif penduduk Sungai Ramal Dalam mendirikan surau ditempat masjid al-Falah sekarang yang kemudiannya ditingkatkan kepada taraf masjid. Bangunan masjid yang agak kecil ditambah sedikit demi sedikit sesuai dengan pertambahan penduduk. Pada masa Penulis menjadi ADUN Kajang (1999-2004) yang kedua-dua Kampung Sungai Ramal termasuk di bawah kawasan ADUN Kajang, masih belum timbul hasrat untuk membangunkan sebuah masjid yang baru. Yang didirikan ialah sekolah agama berdekatan masjid dengan menggunakan sebahagian dari tanah masjid.


Tetapi pada masa Penulis menjadi ADUN Bangi (2008-2013), keadaan bangunan Masjid al-Falah Sungai Ramal Dalam agak uzur dan bocor. Pihak Pengerusi Kemajuan Kampung Sungai Ramal Dalam menulis surat kepada Jurutera Daerah memohon agar membaiki bangunan Masjid Sungai Ramal Dalam yang telah uzur. Surat berkenaan turut dibuat makluman kepada Pegawai Daerah, ADUN Bangi dan Penghulu Mukim Kajang. Pembaikan dilakukan terhadap Masjid Sungai Ramal Dalam, walau bagaimana oleh kerana bangunan agak uzur, ianya tidak dapat dibaiki dengan sempurna. Lantaran itu pada masa ini mulai timbul hasrat pihak Masjid Sungai Ramal Dalam untuk membina masjid yang baru yang tapaknya wujud dekat dengan masjid berkenaan. Apa lagi pada masa itu 2010 atas inisiatif antaranya dari ADUN Bangi Sungai Ramal Luar mendapat peruntukan sebanyak RM1.2 juta untuk mendirikan masjid yang baru. Pertikaian timbul sama ada masjid lama mau dirubuhkan atau sebaliknya. Dengan inisiatif ADUN Bangi mesyuarat diadakan dengan menjemput pihak JAIS sama hadir. Keputusan Masjid lama (Masjid Haji Mat Saman) dikekalkan dan masjid baru dibina berdekatan, sehingga keduanya dapat terus digunakan hingga kini. (Setengah pihak yang tak setuju kerana berlainan faham politik ada yang tidak hadir berjamaah di Masjid berkenaan).

Adapun Masjid Sungai Ramal Dalam, pada masa Penulis menjadi ADUN Bangi belum juga timbul keputusan mau mendirikan masjid baru. Tapi kerana berterima kasih kepada penduduk Sungai Ramal

ANDA PELAWAT KE (MULA 04JUN2008)

1 7 2 5 2 1
1

PENULISAN DR SHAFIE ABU BAKAR



~PERSURATAN SUFI~



~MEREALISASIKAN BANGI BANDAR ILMU~


Dalam yang memberi sokongan kepada Penulis (menang undi bagi kawasan Sungai Ramal Dalam bagi pilihanraya 2008-2013) selepas ADUN memberi sokongan kepada Ketua Kampung yang dipilih, iaitu En. Lateb bin Manan bagi Sungai Ramal Dalam dan Hj. Mohd. Yusof bin Abd. Kadir bagi kampung Sungai Ramal Luar banyak projek dan pembangunan yang kita salurkan khususnya ke Sungai Ramal Dalam seperti:

- a) Membina dan meluruskan Sungai Lemas, Kg. Sungai Ramal Dalam, Kajang Selangor.
- b) Melebar dan mendalamkan longkang sedia ada dari lot 6058 hingga lot 6061 di Jalan Imam Sungai Ramal Dalam.
- c) Melebar dan mendalamkan longkang sepanjang lot 6067 hingga lot 6071, Jalan Selamat Kg. Sungai Ramal Dalam.
- d) Mengatasi kumbahan air yang menyebabkan berlaku takungan yang membiakkan nyamuk.
- e) Menurap semula Jalan Teratai, Jalan Kenanga Satu dan Kenanga Dua Kg. Sungai Ramal Dalam
- f) Menurap Jalan Angsana dan lorong Angsana Sungai Ramal Dalam.
- g) Menurapkan semula seluruh jalan Sungai Ramal Jalan secara menyeluruh !
- h) Membina semula rumah ibu tunggal yang runtuh.

Dan berbagai-bagai pembangunan yang lain.

Pembangunan yang begitu banyak yang ditumpkan kepada Sungai Ramal Dalam ini kerana kampung ini membangun dengan pesat dan berlaku penambahan perumahan dan penduduk begitu ramai. Akibatnya Masjid al-Falah lama tidak lagi dapat menampung jamaah, khususnya pada hari Jumaat di masjid tersebut, lantaran itu lahirlah inisiatif dari pihak penduduk yang diketuai oleh Dato` Haji Maulud dan Timbalannya Tuan Haji Ismail membangunkan Masjid Al-Falah Baru di Kampung Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor.
Sekian.

ditulis oleh Dr Shafie Abu Bakar at [9:30 AM](#)



~TEORI TAKMILAH~



~PUNCAK RINDU~

Himpunan Puisi Kerohanian Dr Shafie Abu Bakar



~GAGASAN BANGI~

Himpunan penyertaan Pertandingan Penulisan Esei dan Puisi Bangi Bandar Ilmu 2012

No comments:

Post a Comment

Enter your comment...

Comment as: Syahrul Sazli S ▾

Sign out

Publish

Preview

Notify me

[Newer Post](#)

[Home](#)

[Older Post](#)

Subscribe to: Post Comments (Atom)